

No. Ruj. MIDA : ICA10/2022/00300
No. Ruj. Fail : MIDA.004.600-4/2/91

MALAYSIAN
INVESTMENT
DEVELOPMENT
AUTHORITY



MIDA SENTRAL
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
T : +603 2267 3633
F : +603 2267 7970
E : investmalaysia@mida.gov.my
www.mida.gov.my

Tetuan

Tian Li Eco Group Holdings Sdn. Bhd.

No 3 & 5, Jalan Hi Tech 7/7

Kawasan Perindustrian Hi Tech 7

43500 Semenyih

Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**PERMOHONAN SURAT PENGESAHAN UNTUK SYARIKAT PERKILANGAN
DIKECUALIKAN DARIPADA LESEN PENGILANG DI BAWAH AKTA
PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 1975 (AKTA 156)**

Merujuk kepada permohonan tuan yang diterima dengan maklumat lengkap pada 25 Mei 2022 mengenai perkara di atas.

2. Berikut adalah maklumat yang dikemukakan oleh tuan di dalam permohonan tersebut:-

Nama Syarikat	: Tian Li Eco Group Holdings Sdn. Bhd.
No Pendaftaran Syarikat	: 1348367-V
Tapak Kilang	: No 3 Jalan Hi Tech 7/7 Kawasan Perindustrian Hi Tech 7 43500 Semenyih Selangor Darul Ehsan
Keluaran/ Aktiviti Dipohon	: Plastic Waste Recycle
Keluaran/ Aktiviti Ditafsir Semula	: Recycled PET Resin
Jumlah pekerja sepenuh masa	: 31 orang
Kumpulan Wang Pemegang Saham	: RM 1,243,714.00
Jumlah Kos Projek	: RM 6,339,270.00

3. Berdasarkan daripada maklumat yang dikemukakan dan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 11, Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156), syarikat tuan pada masa ini adalah dikecualikan daripada Lesen Pengilang bagi menjalankan aktiviti pengeluaran 'Recycled PET Resin'.

4. Pihak tuan juga adalah diminta untuk mengambil maklum kepada perkara-perkara berikut:-

(i) Seksyen 11, Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) menyatakan:-

'1.1 Menteri boleh dengan perintah mengecualikan sesuatu aktiviti pengilang daripada semua atau mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Akta ini'

(ii) Perintah Penyelarasan Perindustrian (Pengecualian) (Pindaan) 1986 P.U (A) 456/86 bertarikh 27 November, 1986 memperuntukkan:

'2(1) Menteri dengan ini mengecualikan dari semua peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156), aktiviti-aktiviti pengilangan yang dinyatakan iaitu 'Recycled PET Resin':-

(a) yang mempunyai kumpulan wang pemegang saham kurang dari dua juta lima ratus ribu ringgit; dan

(b) yang mempunyai kurang dari tujuh puluh lima orang pekerja sepenuh masa yang bergaji'

5. Sila ambil tindakan yang perlu untuk mematuhi peraturan-peraturan yang tersebut di atas. Sekiranya pihak tuan telah **melebihi peruntukan pengecualian** di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156), sila kemukakan **permohonan Lesen Pengilang** sebagaimana diperuntukan di bawah Seksyen 4 Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156). Permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian melalui portal InvestMalaysia di pautan <https://investmalaysia.mida.gov.my>. Garis panduan permohonan boleh didapati di laman web MIDA di <https://www.mida.gov.my>.

6. Syarikat hendaklah mengemukakan maklumat mengenai prestasi pelaburan dan pelaksanaan projek di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) dan Akta MIDA, 1965 apabila dikehendaki oleh MIDA. Kegagalan untuk mengemukakan maklumat tersebut boleh menyebabkan syarikat :

i. bersalah atas sesuatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau keduanya dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan; atau

- ii. melakukan sesuatu kesalahan sekiranya memberikan apa-apa penyata atau maklumat lain yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material dan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

7. Syarikat tidak dibenarkan mengimport bahan-bahan buangan/sisa-sisa plastik untuk dikitar semula dari luar negara. Syarikat hendaklah mendapatkan sisa plastik untuk aktiviti kitar semula dari dalam negara sahaja termasuk dari Zon Perindustrian Bebas/Gudang Pengilangan Berlesen. Syarikat hanya dibenarkan untuk mengimport sisa plastik dari luar negara untuk aktiviti kitar semula sekiranya mendapat kelulusan Lesen Import (AP) daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).

8. Syarikat dikehendaki mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan berkaitan di bawahnya pada setiap masa.

9. Syarikat hendaklah melaksanakan projeknya seperti dicadangkan dan mengikut undang-undang serta peraturan lain yang termaktub di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah
Bahagian Kimia dan Bahan Termaju
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Bahagian Pembangunan Industri
Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
(u.p. Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Industri)

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
Wisma Hasil, Persiaran Rimba Permai
Cyber 8, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
(u.p.: Puan Salamattunnajan Binti Besah
Pengarah Jabatan Dasar Percukaian)

Pengarah
Invest Selangor Berhad,
No. F1-2-G Jalan Multimedia 7/AG
City Park, i-City
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
Tingkat 12-14 Wisma Sunwaymas
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Pengarah
Pejabat MIDA Negeri Selangor
22nd Floor, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Pengarah
Bahagian Pasca Pelaburan / PACU
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Pengarah
Bahagian Statistik Pelaburan
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia